

Program Kampus Ke Kampung UMS capai kejayaan

Oleh JOHAN AZIZ

johanaziz54@gmail.com

UB 06-12-2012 B5

KENINGAU: Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program Kampus Ke Kampung yang merupakan program Interaksi Institusi Masyarakat (Interim) dan dijalankan selama tiga hari di Kampung Tagai Apin-Apin, Keningau baru-baru ini begitu berjaya sekali.

Program itu telah disertai oleh seramai 41 ahli Interim Seksyen 1 sesi 2012/2013 dengan seorang jurulatih iaitu Pensyarah dan Penasihat program, Amer Azlan Abdul Jamal.

Pengarah Program, Khairul Azmi Mustafa memberitahu bahawa dunia yang semakin mencabar serta terdedah kepada pelbagai perkara yang boleh memudaratkan anak-anak pelajar yang baru meniti alam kehidupan memberi satu inspirasi kepada program Interim untuk merangka satu program yang menjurus kepada pengukuhan jasmani, emosi dan mental.

"Ketiga-tiga elemen perlu seimbang serta diperkukuhkan," katanya pada majlis penutupan program itu yang diadakan di balairaya kampung itu.



AHLI-AHLI Interim UMS, Amer Azlan, Khairul dan para pemimpin kampung bergambar dengan keluarga angkat mereka selepas majlis penutupan program itu.

Katanya, konsep program yang akan dilaksanakan itu menjurus kepada penglibatan mahasiswa dan mahasiswi UMS sebagai teknokrat yang membimbing serta mampu mempengaruhi remaja-remaja ke arah perkara yang mendatangkan faedah serta kesan yang boleh membentuk diri seseorang itu sebagai

manusia yang berjaya di dunia dan akhirat.

Menurut beliau, program itu juga menghubungkan mahasiswa dan mahasiswi dalam suasana kemasyarakatan yang mendidik mereka sebagai pemimpin yang holistik pada masa akan datang.

"Kandungan program yang merangkumi kesemua aspek

dari segi sosial, akademik dan agama memberi satu suntikan semangat kepada pengukuhan serta kemajuan mahasiswa dan mahasiswi sebagai modal insan yang amat penting sebagai teras kepada pembangunan negara.

"Objektif program Kampus Ke Kampung adalah meningkatkan keperibadian dan kemahiran insaniah mahasiswa dan mahasiswi UMS yang mampu menguasai pelbagai aspek serta mempunyai pegangan agama yang utuh dalam diri masing-masing," katanya.

Selain itu, kata Khairul, menjadikan mahasiswa dan mahasiswi UMS sebagai pendorong kepada remaja-remaja sebagai contoh pelajar yang cemerlang dalam semua aspek serta mengeratkan hubungan silaturrahim, toleransi, integrasi kaum di antara mahasiswa dan mahasiswi UMS dengan masyarakat kampung.

Menurut beliau, program itu diadakan dengan melibatkan seluruh masyarakat termasuk

kanak-kanak di Kampung Tagai Apin-Apin Keningau.

Beliau memberitahu bahawa program pada hari pertama diadakan penyerahan anak angkat kepada penduduk kampung sebagai keluarga angkat, ice breaking yang berkonsepkan tembak-tembak suara secara berkumpulan.

Khairul berkata, pada hari kedua, senam seni, sesi pengenalan UMS kepada masyarakat kampung, pembentangan puzzle, gambar berantai, bersama masyarakat mempelajari bahasa Dusun selain pelajari budaya, permainan alat muzik, permainan tradisional tempatan dan makanan tempatan, serta sukaneka dan malam kebudayaan.

Sementara pada hari terakhir, para mahasiswa dan mahasiswi dibahagikan secara berkumpulan bagi menyertai program gotongroyong bersama masyarakat kampung itu dan juga majlis penutupan.

"Memandangkan besarnya impak mahasiswa dan mahasiswi



HARRY (kanan) mewakili Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan kampung (JKKK) menyampaikan cendera-kenangan kepada Amer Azlan.

dalam menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah universiti dan masyarakat amnya, diharap agar program ini mampu membentuk semangat jati diri yang tinggi dan melahirkan modal insan kelas pertama.

"Di samping itu, sokongan padu oleh semua pihak turut menjadikan program ini begitu berjaya sekali," katanya.

Khairul turut menyifatkan program itu juga dapat memberikan kesan input kepada diri mahasiswa dan mahasiswi dan kesan output untuk diaplikasikan dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai jati diri yang berkarisma dari segi mental, fizikal dan kerohanian.

Sementara dalam ucapannya di majlis penutupan program itu, Amer Azlan menyifatkan program itu begitu penting bagi mahasiswa dan mahasiswi UMS untuk berinteraksi dan mengenali lebih dekat lagi dengan cara kehidupan dan budaya masyarakat kampung.

"Saya mahu para mahasiswa dan mahasiswi dapat mengembangkan ilmu dan pengalaman mereka bukan saja dari segi akademik tetapi

budaya sopan santun dan hormati orang lebih tua yang menjadi amalan masyarakat Malaysia hari ini," katanya.

Amer Azlan yakin bahawa sepanjang tiga hari program ini dijalankan di kampung itu, penduduk kampung sudah tentu mendapat input yang berguna selain meminta para mahasiswa dan mahasiswi dapat menggunakan pengalaman bersama masyarakat kampung sebagai batu loncatan.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan penutupan program itu, Ketua Kampung, Kadisun Makujil yang diwakili oleh Setiausaha Kerja Barisan Nasional (BN) Keningau, Harry Gitik melahirkan ucapan terima kasih kerana program itu diadakan buat pertama kalinya di kampung itu.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada seluruh masyarakat kampung ini yang turut memberikan kerjasama kepada penganjuran program ini yang dijalankan selama tiga hari yang memberi impak begitu berkesan kepada penduduk-penduduk terutama sekali anak-anak kampung ini," katanya.



KADISUN (dua kiri) melancarkan program Kampus Ke Kampung dibantu Harry (tiga kanan). Turut kelihatan Amer Azlan (kanan) dan Khairul (dua kanan).